

# Jangan sulitkan pertukaran guru — PM

<sup>UM 21/10/03</sup>  
KUALA LUMPUR 20 Dis. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan ahli politik agar tidak mengganggu urusan pertukaran guru sekolah sehingga menimbulkan masalah kekurangan tenaga pengajar.

Tegas Perdana Menteri, campur tangan ahli politik berhubung perkara itu hanya menyulitkan lagi masalah kekurangan guru.

“Kita, ahli politik tidak boleh ganggu, jangan sekali-kali, kalau ada apa-apa masalah kemukakanlah kepada Kementerian Pendidikan sama ada Menteri atau Tim-

balan Menteri atau siapa juga yang boleh membantu.

“Kalau kita terus campur tangan awal-awal lagi, tentulah ia akan menyulitkan lagi ataupun menimbulkan masalah,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan pembukaan Galeria Sri Perdana iaitu bekas kediaman rasmi Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Jalan Damansara, di sini hari ini.

Abdullah ditanya mengenai masalah kekurangan guru di Selangor, Perak dan Pulau Pinang menjelang sesi persekolahan yang akan bermula awal bulan depan.

Laporan muka depan *Utusan Malaysia* hari ini memetik kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin yang mendakwa campur tangan ahli politik dan pegawai tinggi kerajaan sebagai punca berlaku kekurangan guru di tiga negeri itu.

Serentak dengan itu, Abdul Aziz meminta golongan berkenaan supaya jangan mencampuri urusan harian Kementerian Pendidikan terutama berkaitan aspek penempatan guru.

Abdullah juga berkata, satu cara untuk menanga-

ni masalah kekurangan tenaga pengajar ialah dengan melantik semula guru yang telah bersara untuk berkhidmat secara kontrak.

Perdana Menteri berkata, tidak menjadi kesalahan sekiranya ahli politik merujuk kepada Menteri Pendidikan berhubung sesuatu masalah yang timbul.

Menteri pula, tegasnya, perlu bersedia mempertimbangkan masalah yang dirujuk oleh ahli politik kepadanya untuk dikendalikan di peringkat kementerian.

Mengenai kekurangan tenaga pengajar, Abdullah berkata, Kementerian Pendidikan perlu memberi perhatian khusus menangani masalah berkenaan menjelang sesi persekolahan ini terutama dalam memastikan semua sekolah mempunyai guru yang mencukupi.

“Kekurangan guru kena ditambah. Kita kena ada tenaga guru yang secukupnya kalau tidak nanti pelajar kita tidak akan mendapat pendidikan sebagaimana yang diharapkan,” ujarinya.

Katanya, perancangan untuk memastikan guru-guru mencukupi di semua sekolah perlu dilakukan di peringkat awal lagi.

Ini disebabkan bilangan pelajar yang sentiasa meningkat berikutan daripada pertambahan populasi negara, ujarinya.